



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 12 TAHUN 2018

PENGGUNAAN QR CODE PADA SIJIL AKADEMIK UPSI MULAI ISTIADAT KONVOKESYEN UPSI KE-20 TAHUN 2018

Bahagian Hal Ehwal Akademik
12 September 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

12 September 2018

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK **BILANGAN 12 TAHUN 2018**

PENGGUNAAN QR CODE PADA SIJIL AKADEMIK UPSI MULAI ISTIADAT KONVOKESYEN UPSI KE-20 TAHUN 2018

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-170 Bilangan 9/2018 yang bersidang pada 12 September 2018 telah bersetuju dengan penggunaan QR Code pada Sijil Akademik UPSI mulai Istiadat Konvokesyen UPSI Ke-20 Tahun 2018.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti pada masa ini masih belum mempunyai apa-apa kaedah yang boleh digunakan oleh bakal majikan atau mana-mana pihak berkeperluan untuk mengesahkan ketulenan sijil akademik yang dikemukakan oleh graduan.
- 2.2 Pengesahan ketulenan hanya boleh dibuat oleh Unit Pengijazahan, Bahagian Hal Ehwal Akademik yang mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada sijil akademik tersebut.
- 2.3 Penggunaan QR Code sebagai medium semakan ketulenan sijil telah mula digunakan oleh Universiti Awam dan sehingga kini terdapat 12 universiti.
- 2.4 Sistem yang diibangunkan secara dalaman oleh Pusat ICT UPSI dan dinamakan 'UPSI Scroll Checker'. Pelaksanaannya tidak melibatkan apa-apa kos tambahan kepada Universiti.
- 2.5 QR Code dijana melalui IMS dan akan dicetak secara serentak dengan cetakan maklumat pelajar dalam sijil.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperakui dan meluluskan keputusan seperti berikut:

Penggunaan QR Code pada Sijil Akademik UPSI mulai Istiadat Konvokesyen UPSI Ke-20 Tahun 2018.

- 3.2 Contoh QR Code yang dicetak pada sijil akademik adalah seperti **LAMPIRAN A.**

4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 12 September 2018.

Sekian, terima kasih.

“UNIVERSITI NO. 1 PENDIDIKAN”


Yang benar,



(SUHAILA SIDEK)
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Hal Ehwal Akademik



LAMPIRAN A



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Dengan persetujuan dan pengiktirafan Senat pada 17 Julai 2018
maka dengan ini

NUR AFINI BINTI ABDUL HALIM

dianugerahi ijazah

SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MATEMATIK) DENGAN KEPUJIAN

- dengan segala hak dan keistimewaannya dalam istiadat konvokeyen pada Masihi bersamaan dengan Hijrah.

M²
Naib Canselor

Ghias
Pendaftar

